

Jangan hanya harap makan gaji

■ Graduan universiti perlu berani jadi usahawan berjaya

Oleh Mohd Rafi Mamat
am@hmetro.com.my
Pelikan

Graduan universiti tidak seharusnya meletakkan harapan terlalu tinggi untuk berkhemahmat dengan kerajaan hanya sennata-mata kerana banyak kemudahan disediakan.

Pengerusi Jawatankuasa Koperasi Keusahawanan dan Kepenggunaan Pahang Datuk Shahiruddin Ab Moin berkata, dengan kemahiran akademik dimiliki memberikan lebih peluang kepada mereka bekerja dalam pelbagai sektor yang menjalinkan pendapatan lumayan.

Katanya, selain sektor swasta yang menjalinkan peluang pekerjaan lebih luas, golongan terabit juga perlu berani mencuebi bidang perniagaan bagi memenuhi keperluan negara hari ini.

Katanya, kerajaan menyediakan pelbagai kemudahan kepada graduan yang berminat untuk mencuebi bidang perniagaan, selain modal dan khidmat nasihat mereka juga turut layak menentima premis.

"Saya berharap graduan Melayu memberanikan diri menjadi usahawan seperti rakan mereka yang berbangsa Cina. Kemudahan disediakan agensi kerajaan ber-



SHAHIRUDDIN (depan tengah) merasmikan Karnival Keusahawanan Technopreneurship 2014 di UMP, semalam.

tanggungjawab perlu direbut sebaik mungkin.

"Kemahiran yang ada perlu digunakan sepenuhnya untuk mereka menjadi usahawan berjaya sebaliknya tidak terlalu mengharapkan

peluang pekerjaan dengan kerajaan yang kini begitu terhad," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Karnival Keusahawanan Technoprene-

urship 2014 di Universiti Malaysia Pahang (UMP) kampus Kuala Pahang, di sini, semalam.

Turut hadir, Pengarah Pusat Keusahawanan universiti berkenaan Profesor Madya

Dr Noor Azlinna Azizan.

Lebih 150 pelajar menyertai karnival kali pertama diadakan itu bertujuan memberikan peluang kepada peserta mendapat pelbagai maklumat daripada agensi

“Saya berharap graduan Melayu memberanikan diri menjadi usahawan seperti rakan mereka yang berbangsa Cina. Kemudahan disediakan agensi kerajaan bertanggungjawab perlu direbut sebaik mungkin”
Shahiruddin Ab Moin

seperti Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TE-KUN), Permodalan Nasional Berhad (PUNB) dan Majlis Amanah Rakyat (MAR).

Shahiruddin berkata, generasi muda berpendidikan tinggi perlu berani mencuebi bidang perniagaan dalam usaha mengukuhkan lagi ekonomi negara yang kini meningkat setiap tahun.

"Saya berharap karnival seperti ini dapat meningkatkan semangat lebih ramai lagi generasi muda pelbagai kaum terabit dalam bidang perniagaan yang mampu memberikan peluang tu-mayan," katanya.